

1084

## TEORI SEMANTIK KOMUNIKATIF: KAJIAN SOROTON LITERATUR

Saifulah bin Samsudin (PhD)

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS

Nasimah binti Abdullah (PhD)

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS

Lubna binti Abdul Rahman (PhD)

Jabatan Bahasa Arab  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama  
Universiti Sains Islam Malaysia

### ABSTRAK

*Teori terjemahan Semantik Komunikatif adalah salah satu pendekatan penterjemahan moden yang diperkenalkan oleh Peter Newmark. Tulisan ini menfokuskan kepada kajian yang telah dijalankan berdasarkan teori ini dengan menumpukan kepada skop terjemahan Arab-Melayu. Pendekatan penulisan ini dengan menggunakan anasisis diskriptif dengan menumpukan kepada aspek persamaan dan perbezaan yang terdapat pada setiap kajian terdahulu yang menggunakan teori ini. Hasil sorotan ringkas ini mendapati teori Semantik Komunikatif digunakan oleh para pengkaji terjemahan Arab-Melayu dalam kajian mereka namun bentuk penggunaan antara setiap kajian itu adalah pelbagai.*

*Kata kunci:* terjemahan Semantik Komunikatif, Terjemahan Arab Melayu

### 1. Pendahuluan

Literatur bermaksud bahan yang ada kaitan dengan masalah kajian dalam bentuk buku, makalah dan laporan pihak tertentu dan yang pentingnya ialah tesis atau disertasi yang memuatkan hasil-hasil kajian yang lepas berkenaan persoalan itu atau yang lain tetapi boleh dikaitkan dengannya (Idris Awang, 2001). Justeru, yang dimaksudkan dengan sorotan literatur atau disebut dalam bahasa Inggeris sebagai ‘*literature review*’ ialah proses penelitian kembali secara ilmiah terhadap penyelidikan atau tulisan-tulisan terdahulu yang berkaitan dengan bidang yang hendak dikaji (Ahmad Sunawari Long, 2005).

Melalui sorotan literatur, seorang penyelidik dapat memperolehi maklumat yang lengkap mengenai penyelidikan-penyelidikan berkaitan yang telah dijalankan dan membantu dalam menjuruskan penyelidikan yang dirancang (Ahmad Sunawari Long, 2005). Maka penyelidik perlu memilih penyelidikan yang mempunyai hubungan dengan permasalahan yang hendak dikaji.

Terdapat beberapa kajian telah dijalankan sama ada berkait dengan metafora atau bidang terjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Dalam membicarakan sorotan literatur yang berkait dengan tumpuan kajian ini, pengkaji membahagikan sorotan literatur kepada dua bahagian:

- 1- Sorotan literatur berkaitan metafora.
- 2- Sorotan literatur berkaitan terjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu.

## **2. Teori Semantik dan Komunikatif**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teori yang diperkenalkan oleh Peter Newmark yang dinamakan sebagai teori Semantik-Komunikatif. Newmark bermula daripada teori *receptor oriented line* milik Nida, sambil menyatakan bahawa keberkesanan teori *equivalence* (kesepadan) adalah bersifat khayalan dan konflik kesetiaan, dan jurang antara penekanan terhadap bahasa sumber serta bahasa sasar sentiasa akan kekal sebagai masalah yang mendesak dalam teori dan praktikal terjemahan. Newmark mencadangkan agar dirapatkan jurang ini dengan menggantikan istilah lama dengan istilah terjemahan semantik dan komunikatif (Munday, 2001).

Terjemahan semantik cuba untuk mengemukakan, semampu yang boleh, yang dibenarkan oleh struktur semantik dan tatabahasa bahasa kedua, makna konteks yang tepat daripada teks asal (Newmark, 1988). Dalam hal ini, penterjemah tidak akan menyesuaikan mesej teks asal mengikut budaya bahasa sasaran tetapi yang harus dikekalkan ialah bentuk asal teks sumber meskipun ada kalanya terjemahan yang dihasilkan agak kabur dan sukar difahami (Muhammad Fauzi Jumingan, 2006: 71). Terjemahan komunikatif pula cuba untuk menghasilkan kesan ke atas pembacanya sehampir mungkin dengan kesan yang diperolehi oleh pembaca dari teksnya yang asal (Newmark, 1988).

Perincian terjemahan komunikatif ini menyerupai teori kesamaan dinamik Nida dari aspek kesan yang ingin dihasilkan pada pembaca teks sasar. Sementara itu, terjemahan semantik pula mempunyai persamaan dengan teori kesamaan formal Nida. Namun begitu, Newmark menjauhkan dirinya dari keseluruhan prinsip kesan kesamaan ini kerana kesan adalah tidak sesuai jika sesuatu teks itu terkeluar dari ruang tempat dan masa bahasa sasar.

Sebagai contoh, terjemahan hasil Homer dalam bahasa Inggeris British Moden. Sudah pasti penterjemah, walau dalam bahasa apa-apa sekalipun bahasa sasarnya, tidak mampu untuk mengharap atau menjangka dapat menghasilkan kesan yang sama kepada pembaca teks sasar sebagaimana kesan teks sumber kepada para pendengar pada zaman Greek purba (Munday, 2001). Munday (2001) telah meringkaskan ciri-ciri teori ini sebagaimana parameter berikut:

**Gambar Rajah 1:** Ciri-ciri Terjemahan Semantik & Komunikatif

PARAMETER	TERJEMAHAN SEMANTIK	TERJEMAHAN KOMUNIKATIF
Sasaran	Tumpuan kepada proses berfikir, membantu pembaca teks sasar memahami sesuatu konotasi jika ia merupakan bahagian penting sesuatu mesej.	Subjektif, fokus kepada pembaca teks sasar. Berorientasikan kepada bahasa dan budaya tertentu.
Budaya	Kekal dalam budaya bahasa sumber	Ia memindahkan elemen asing ke dalam budaya bahasa sasar.
Zaman & Asal Usul	Tidak ditetapkan pada masa atau ruang tertentu. Terjemahan perlu diperbaharui setiap masa.	Bersifat sepantas lalu dan berakar umbi pada konteksnya tersendiri yang bersifat kontemporer.
Hubungan dengan Teks Sumber	Sentiasa tunduk kepada teks sumber, hilang makna	Kemungkinan lebih baik dari teks sumber, perolehan tenaga dan kejelasan walaupun jika hilang kandungan semantik.
Penggunaan Bentuk dalam Teks Sumber	Jika norma dalam bahasa teks sumber melencong maka ia hendaklah ditiru dalam teks sasar, ia bersifat taat kepada teks sumber.	Menghormati bentuk teks sumber tetapi menolak ketaatan kepada norma teks sumber.
Bentuk Bahasa Sasar	Lebih rumit, ganjil, fokus, kecenderungan kepada terlebih terjemah.	Lebih licin, lancar, jelas, lebih berterus terang, lebih konvensional, kecenderungan kepada kurang terjemah
Kesesuaian	Untuk kesusasteraan serius, autobiografi, hasil peribadi, mana-mana kenyataan politik yang penting.	Untuk pelbagai kebanyakan teks: tulisan bukan sastera, teks teknikal dan imformasi, publisiti, jenis yang standard, fiksyen popular.
Kriteria penilaian	Ketepatan penghasilan semula ketepatan teks sumber.	Ketepatan komunikasi mesej teks sumber dalam teks sasar.

Terjemahan metafora, secara khususnya, memerlukan penekanan kepada kesan pembaca dalam memahami teks sumber. Keterikatan dengan teks sumber dalam sebahagian keadaan boleh menyebabkan impak terhadap elemen metafora menjadi agak dingin. Justeru, penggunaan teori semantik dan komunikasi dilihat relevan dalam menterjemah metafora. Namun teori ini juga memberikan pilihan kepada penterjemah untuk memilih pendekatan terjemahan yang terikat dengan teks sumber jika konteksnya memerlukan berbuat sedemikian.

Newmark berpendapat bahawa penggunaan kedua-dua pendekatan ini adalah bersifat anjal walau dalam satu proses terjemahan ke atas teks terjemahan yang sama, beliau menyatakan bahawa:

*Tidak ada satu-satu terjemahan komunikatif atau kaedah terjemahan semantik apabila menterjemah teks. Malah terdapat jalur kaedah yang bertumpang tindih. Satu-satu terjemahan boleh menjadi lebih atau kurang terjemahan semantik-lebih atau kurang terjemahan komunikatif-malah satu bahagian atau ayat tertentu dapat ditangani lebih dari segi komunikasi atau kurang dari segi semantik (Newmark, terjemahan Zainab, 1994: 40)*

Beliau juga berpendapat penggunaan gabungan kedua-dua pendekatan dalam satu teks bergantung kepada kepentingan kedua-dua, iaitu bentuk dan juga mesej. Newmark menyatakan:

*Sekali lagi apabila perantaraan (form) sama penting dengan utusan (message) dan manusia daripada dua budaya bahasa itu lazimnya dapat memperkatakan perkara yang sama dengan penggunaan perkataan yang berbeza maka kedua-dua unsur itu berpadu (Newmark, terjemahan Zainab, 1994:46)*

Beliau berpandangan berdasarkan teori Nida yang menyatakan terjemahan teks kudus (injil) adalah lebih kepada terjemahan semantik bahawa boleh berlaku perubahan pendekatan terjemahan dari semantik kepada komunikatif pada teks itu jika terdapat faktor yang mendorong perubahan itu, antaranya : perubahan sosial dari aspek ciri dongengan dalam kehidupan masyarakat serta pengetahuan yang berkurangan golongan sasar terhadap teks itu.

Hal ini dilihat sesuai dengan terjemahan teks al-Hadith yang maknanya amat perlu difahami bukan dari aspek linguistiknya sahaja bahkan dari sudut konteksnya (*asbab wurud al-hadith*).

Berasaskan teori terjemahan ini, pengkaji akan mengenal pasti ciri terjemahan metafora yang telah dibuat oleh penterjemah KTRS. Berasaskan ciri yang dikenal pasti ini, pengkaji akan mengklasifikasikan pula pendekatan terjemahan yang telah diterima pakai oleh penterjemah sama ada secara semantik, komunikatif atau dengan penggabungan kedua-duanya.

### **3. Kajian Literatur Berkaitan Metafora**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan meneliti kembali penyelidikan-penyeleidikan yang berkait dengan permasalahan kajian tesis ini, sama ada penyelidikan berkait dengan metafora atau metafora dan terjemahan. Perincinya adalah seperti berikut:

a. *An Analysis Of The Translation Of Metaphors In Hafiz's Selected Poems*

Kajian peringkat doktor falsafah ini dilakukan oleh Kazem Youssefi pada tahun 2009 di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Kajian ini merupakan usaha menyelidik penterjemahan metafora bagi puisi terpilih Hafiz.

Ia bertujuan menganalisis dan membandingkan penterjemahan metafora puisi terpilih Hafiz ke dalam bahasa Inggeris. Kajian ini juga ingin mengenal pasti penterjemah yang berjaya menterjemahkan metafora Hafiz dengan berkesan. Untuk melaksanakan tugas ini, kajian tersebut:

- a. Menganalisa qasidah Hafiz yang telah dikenal pasti mengandungi metafora.
- b. Membandingkan terjemahan qasidah yang dipilih oleh Gertrude Lowthian Bell (1897), Clarke Wilberforth (1891), Arthur John Arberry (1977), dan terjemahan Shahriari (2005).

Bagi mencapai kedua-dua objektif ini, pengkaji telah menjadikan tujuh qasidah penyair tersebut sebagai korpus pilihan kajian dengan tumpuan diberikan kepada dua jenis tema, iaitu:

- 1- Tema Mistik
- 2- Tema Cinta

Rasional pemilihan dua tema ini mengikut pengkaji kerana kedua-dua tema ini merupakan tema utama yang sering diberikan perhatian oleh penyair tersebut.

Analisis teks dimulakan dengan huraian umum berkaitan teks pilihan. Kazeim seterusnya menghuraikan nilai estetika yang terdapat dalam teks tersebut. Pemilihan terjemahan literal bagi setiap teks pilihan oleh penterjemah Pazargadi dijadikan asas oleh pengkaji dalam analisisnya. Hal ini bertujuan memberikan gambaran umum kepada pembaca bahasa sasar tentang latar belakang umum puisi. Langkah seterusnya adalah dengan membuat perbandingan terjemahan antara keempat-empat penterjemah yang telah dipilih.

Penulis menggunakan pendekatan Peter Newmark (1988) dalam menilai pendekatan terjemahan metafora yang dibuat oleh setiap penterjemah. Prosedur ini merangkumi:

1. Mendarangkan padanan metafora secara lafaz dan makna,
2. Menggantikan bentuk metafora dengan bentuk metafora yang lain,
3. Menterjemah metafora dengan simile,
4. Menterjemah metafora dengan perbandingan campur makna,
5. Menukarkan metafora kepada makna,
6. Melesapkan metafora,
7. Menggabungkan metafora yang sama dengan makna.

Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa terdapat ketidakpadanan antara elemen-elemen metafora, penterjemahan literal membawa kepada penambahan mesej sebenar; penterjemahan unsur ketaksaan dalam bahasa Parsi ke dalam bahasa Inggeris menghasilkan metafora yang tidak baik dalam bahasa Inggeris. Menurut Kazeim, seperti yang dijangkakan, padanan satu lawan satu bagi terjemahan metafora dalam teks kajian boleh dikatakan tidak wujud antara metafora bahasa Parsi dengan metafora bahasa Inggeris.

Pengkaji juga mendapati ciri *sufism* serta nilai estetika yang terdapat pada metafora teks sumber gagal ditonjolkan oleh para penterjemah dalam hasil terjemahan mereka. Dari aspek perbandingan hasil penterjemah, pengkaji meletakkan terjemahan Arberry sebagai yang paling

berjaya dengan mengambil kira aspek penyampaian makna dan pengekalan kecantikan metafora. Hal ini diikuti dengan Bell, Clarke, dan Shahriari.

Setelah dicermati kajian ini, ia memberikan maklumat penting berkaitan pendekatan terjemahan metafora, khususnya dengan menggunakan prosedur terjemahan metafora yang diperkenalkan oleh Newmark. Namun, dapatan Kazeim yang mendapati tiada padanan satu lawan satu bagi metafora Parsi yang diterjemah ke dalam bahasa Inggeris masih boleh diperhalusi semula khususnya dalam konteks terjemahan Arab-Melayu.

Di samping itu, fokus Kazeim kepada teks sastera sudah pasti memerlukan terjemahan yang diberi bagi setiap metafora menepati laras bahasa sastera yang berdasarkan ciri kreatif pada penulisan. Pengkaji pula menfokuskan teks keagamaan yang memerlukan kepada ketelitian agar makna terjemahan tidak lari daripada teks sumber.

### **b. Terjemahan Metafora Melayu ke Bahasa Perancis: Analisis Novel Salina**

Kajian ini dijalankan oleh Suziana Mat Saad pada tahun 2005 di peringkat sarjana di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Objektif utama kajian ini adalah untuk meninjau strategi penterjemahan metafora Melayu ke bahasa Perancis.

Penulis memilih novel Salina tulisan A. Samad Said yang telah diterjemah ke bahasa Perancis sebagai korpus kajian utama. Penulis menggunakan prosedur terjemahan metafora yang diperkenalkan oleh Newmark sebagai landasan utama untuk menilai strategi terjemahan metafora dalam korpus ini.

Kajian ini bertitik tolak daripada dua pandangan yang berbeza, iaitu pandangan Nida, Vinay, dan Dalbarnet yang menyatakan bahawa tiada cara untuk menterjemah metafora dan adalah mustahil untuk berbuat sedemikian. Manakala pandangan kedua milik Kloepfer dan Reiss yang berpandangan bahawa tiada sebarang masalah untuk menterjemah metafora. Namun, Suziana kelihatan mengambil pendekatan yang sederhana dengan membina hipotesis beliau bahawa terdapat metafora yang boleh diterjemah dan terdapat juga yang tidak mampu diterjemah.

Sebanyak 198 sampel metafora telah dikenal pasti oleh penulis. Sebelum mengenal pasti strategi penterjemahan, beliau membahagikan kesemua sampel kepada tiga kategori, iaitu metafora berstruktur, metafora ontologi dan metafora berarah. Pembahagian ini berdasarkan taksonomi yang diperkenalkan oleh Lakoff dan Johson.

Antara dapatan utama kajian ini ialah ketujuh-tujuh prosedur terjemahan metafora yang diperkenalkan Newmark diterima pakai oleh penterjemah dalam korpus ini. Kaedah utama yang banyak diterima pakai ialah prosedur kelima, iaitu penterjemahan metafora kepada makna. Kajian ini turut mendapati penterjemahan sebahagian metafora tidak menepati kehendak makna metafora dalam bahasa sumber. Kajian ini juga mendapati bahawa kumpulan metafora ontologi merupakan kategori yang paling tinggi dalam mengekalkan ranah sumber yang sama.

Pengkaji turut menyimpulkan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi terjemahan metafora. Antaranya ialah aspek budaya serta perhubungan makna antara bahasa. Faktor padanan

dalam bahasa lain (*degree of overlap*) bagi sesuatu metafora turut menjadi faktor utama. Pengkaji menyatakan lagi bahawa metafora yang menggunakan leksis khusus kepada sesuatu budaya masyarakat bahasa sumber sukar untuk diterjemah.

Pengkaji menyimpulkan bahawa setiap metafora mempunyai skala tidak boleh terjemah sehingga boleh terjemah secara literal. Namun, kajian yang teliti diperlukan bagi setiap metafora agar mampu diterjemahkan dalam bahasa sasar dengan baik.

Berbanding kajian Kazeim dan Butsyasyeh yang lebih menfokuskan metod terjemahan metafora, kajian Suziana memberikan input penting dari aspek mengenal pasti faktor yang mempengaruhi terjemahan metafora. Kajian beliau yang menunjukkan aspek budaya dan aspek kewujudan padanan metafora dalam bahasa sasar mempengaruhi terjemahan metafora adalah bertepatan dengan pandangan pengkaji terdahulu seperti Newmark dan Dickins. Pemilihan novel Salina yang sarat dengan mesej budaya Melayu adalah bertepatan dengan aspek ini. Aspek ini memberikan input yang baik bagi kajian terjemahan metafora dalam hadith Rasulullah S.A.W.

Namun, fokus Suziana kepada korpus terjemahan berbahasa Perancis dari bahasa Melayu sudah pasti tertumpu kepada perbandingan antara budaya kedua-dua bahasa tersebut. Fokus pengkaji dalam kajian ini pula tertumpu kepada teks sumber yang dilatari budaya Arab. Sudah pasti terdapat perbezaan pendekatan terjemahan yang diguna pakai.

c. ***Namuzaj min al-isti'arat fi al-Quran wa Tarjamatuha bi al-Lughat al-Ingliziyyat***

Kajian peringkat sarjana ini dilakukan oleh Jamal Butsyayih pada tahun 2004 di Jabatan Terjemahan, Fakulti Sastera dan Bahasa, University of Algeria. Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji ketepatan makna beberapa contoh *isti'arat* al-Quran yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Hal ini merangkumi aspek seperti jenis terjemahan serta aras dan kadar ketepatannya dengan makna ayat dalam bahasa sumber.

Perbincangan kajian ini berdasarkan data korpus. Terdapat dua bahan korpus utama yang dijadikan asas kajian, iaitu:

1. Ayat-ayat suci al-Quran yang mempunyai metafora. Penulis memfokuskan *isti'arat* yang terdapat dalam 20 contoh ayat al-Quran yang dipilih.
2. Beberapa terjemahan al-Quran dalam bahasa Inggeris seperti berikut:
  - i. Terjemahan al-Quran bertajuk *The Meaning of the Glorious Quran* yang diusahakan oleh William Muhammad Marmaduke Picktall pada tahun 1930. Beliau merupakan salah seorang tokoh akademik India.
  - ii. Terjemahan al-Quran yang diusahakan oleh Abdullah Yusof Ali bermula pada tahun 1934 sehingga 1937 dengan tajuk yang sama *The Meaning of the Glorious Quran*.
  - iii. Terjemahan al-Quran yang disediakan oleh Muhammad Taqiyyuddin al-Hilali dan Muhammad Muhsin Khan pada tahun 1977. Tajuk terjemahan al-Quran mereka ialah: *Interpretation of the Meaning of the Noble Quran in the English Language. A summarized version of al-Tabari, al-Qurtubi and Ibn Kathir with comments from Sahih al-Bukhari*.

- iv. Terjemahan al-Quran bertajuk: *An Approximate, plain and straightforward Translation of the Meanings of The Honourable Quran in The English Language*. Terjemahan ini dilakukan oleh cendekiawan Syiria, bernama Sheikh Izzuddin al-Haik dan diterbitkan pada tahun 1996.

Dalam analisisnya pengkaji telah menggunakan tujuh pendekatan terjemahan metafora yang diperkenalkan oleh Peter Newmark seperti berikut:

1. Terjemahan *harfi*,
2. Terjemahan *isti'arat* kepada *tasybih*,
3. Penukaran *isti'arat* kepada makna,
4. Terjemahan *harfi* dengan penambahan tafsiran,
5. Terjemahan *isti'arat* kepada lafaz yang setara dalam bahasa sasar,
6. Pengguguran *isti'arat*,
7. Terjemahan *isti'arat* kepada *tasybih* dengan penambahan tafsiran.

Dapatan kajian mendapati keempat-empat penterjemah telah menggunakan empat teknik terjemahan *isti'arat* dengan kadar peratusan penggunaan yang berbeza seperti berikut:

1. Terjemahan *harfi* dengan penambahan tafsiran
2. Terjemahan *isti'arat* kepada *tasybih* dengan penambahan tafsiran.
3. Penukaran *isti'arat* kepada makna, dan
4. Terjemahan *isti'arat* kepada lafaz yang setara dalam bahasa sasar.

Beliau meringkaskan lagi bahawa pendekatan yang sering diterima pakai oleh Abdullah Yusof Ali ialah pendekatan terjemahan *harfi* dengan 35% sampel yang diterjemah adalah menggunakan teknik ini. Manakala Sheikh al-Haik pula cenderung menggunakan teknik terjemahan dengan menukar *isti'arah* kepada makna dalam bahasa sasar dengan melihat kepada 60% sampel yang dipilih diterjemahkan dengan menggunakan teknik penukaran kepada makna.

Manakala terjemahan al-Hilali dan Khan kepada sampel yang dianalisis menunjukkan kedua-dua penterjemah cenderung kepada penggunaan teknik *harfi* dan makna secara sama dengan peratus penggunaan kedua-duanya mencecah 40%. Kesemua penterjemah tidak menggunakan teknik membuang *isti'arat* dan teknik menukar *isti'arat* dengan padanan kecuali Abdullah Yusof Ali yang menggunakan 2% sahaja teknik ini dalam terjemahannya.

Kajian ini memberikan maklumat yang penting tentang pendekatan mengenal pasti makna sesuatu metafora yang terdapat dalam teks keagamaan. Pemilihan ayat-ayat al-Quran sebagai korpus kajian memerlukan Butsyasyeh merujuk kepada kitab-kitab tafsir untuk memahami maksud sebenar metafora yang dikaji. Pengkaji berpendapat bahawa pendekatan ini bersesuaian diguna pakai dalam memahami metafora yang terdapat dalam hadis Rasulullah S.A.W. Sudah pasti kitab-kitab huraiyan Riyad al-Salihin menjadi rujukan utama untuk memahami metafora tersebut.

#### **d. Kajian Metafora Yang Menunjukkan Sikap Dalam Buku Motivasi ‘The Secret’**

Kajian ini merupakan artikel dalam jurnal *Transling Journal: Translation and Linguistics* yang dijalankan oleh Rendro Hetrastuti, M.R. Nababan dan Tri Wiratno pada tahun 2013. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti teknik terjemahan ‘metafora yang menunjukkan sikap’ serta rasional penggunaan teknik terjemahan tersebut. Korpus kajian ialah buku motivasi dengan judul ‘The Secret’ yang dikarang oleh Rhonda Byrne serta terjemahannya ke dalam bahasa Indonesia dengan tajuk ‘Rahsia’.

Kajian mendapati metafora dalam korpus kajian diterjemahkan dengan menggunakan lima belas teknik yang berbeza. Pengkaji menyimpulkan bahawa secara umumnya sejumlah 145 data diterjemah dengan teknik harfiah sementara 20 data diterjemahkan dengan terjemahan maknawiah. Dapatkan ini menunjukkan metafora yang menunjukkan sikap yang bersifat universal adalah amat kuat hingga mampu diterjemahkan dalam bahasa sasar dengan baik.

Kajian juga menyimpulkan terjemahan metafora dalam korpus kajian mempunyai kualiti terjemahan yang baik dengan rasional ciri akomodasi teknik terjemahan berjaya menghasilkan terjemahan yang tepat dengan maksud metafora yang dikehendaki.

Kajian Hetrastuti, M.R. Nababan dan Tri Wiratno ini menumpukan teknik umum terjemahan metafora, manakala pengkaji memberikan tumpuan khusus kepada prosedur terjemahan metafora yang diperkenalkan Newmark di samping berasaskan teori Semantik dan Komunikatif beliau. Namun ulasan Hetrastuti, M.R. Nababan dan Tri Wiratno berkaitan ciri terjemahan metafora yang tepat dengan makna yang sebenar memberikan input yang baik bagi kajian ini.

#### **4. Kajian Berkaitan Bidang Terjemahan Arab-Melayu**

Bahagian ini akan menumpukan beberapa penyelidikan yang berkait dengan terjemahan Arab-Melayu sama ada di peringkat penyelidikan doktor falsafah atau sarjana. Penyelidikan ini walaupun memfokuskan bidang terjemahan Arab-Melayu, namun masih membicarakan metafora sebagai sebahagian daripada permasalahan kajianya.

##### **a. *Naql al-Suwar al-Bayaniyyat min al-‘Arabiyyat ila al-Malayuwiyyat: Dirasat Tahliliyyat fi Tarjamat Ibn Batutat***

Kajian ini merupakan tesis sarjana yang dijalankan oleh Muhammad Imran bin Ahmad pada tahun 2007. Ia memberikan tumpuan kepada terjemahan *Suwar Bayaniyyat* daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu: Fokus kepada Terjemahan Kisah Pelayaran Ibn Batutat.

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis terjemahan *suwar bayaniyyat* yang terdapat dalam data korpus. Yang dimaksudkan dengan *suwar bayaniyyat* ialah elemen *al-bayan* yang menjadi salah satu komponen ilmu *balaghah* Arab yang tiga: *bayan*, *ma’ani*, dan *badi’*. Elemen *al-bayan* pula merangkumi topik-topik seperti *tasybih*, *majaz*, *kinayah*, dan juga *isti’arat*. Dari aspek sudut kajian, dapat dilihat bahawa kajian ini memberikan fokus secara menyeluruh terhadap kesemua elemen *al-bayan* yang terdapat dalam korpus pilihan.

Korpus pilihan pengkaji ialah buku terjemahan ‘*Pengembalaan Ibn Batutah Pengembala Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia*’ terbitan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

pada tahun 2003. Buku ini diterjemahkan oleh Syed Nurulakla bin Syed Abdullah dan Adi Setia Muhammad Dom dan disemak oleh Dr. Ismail Ibrahim serta Wan Roslili Abdul Majid.

Landasan kajian ini adalah berasaskan kepada pembahagian teknik terjemahan kepada tiga yang dibuat oleh Ahmad Sheikh Abdul Salam, iaitu:

1. Terjemahan harfiah, didefinisikan sebagai proses menukar teks daripada satu bahasa ke bahasa yang lain tanpa mengubah maknanya.
2. Terjemahan *maknawiah*, iaitu terjemahan yang tidak terikat sama sekali dengan teks yang asal tetapi ia mengutamakan makna utama yang terdapat dalam teks sumber.
3. Terjemahan komunikatif, iaitu penterjemah melihat kepada teks asal dan mengenal pasti perkara yang ingin disampaikan oleh penulis lalu menterjemahkannya dengan gaya bahasa yang sebanding dengannya dalam bahasa sasar, seolah-olah penterjemah ialah penulis asal dalam bahasa sasar.

Pengkaji turut membincangkan pembahagian teknik penterjemahan metafora yang diperkenalkan oleh Peter Newmark. Namun jika dilihat kepada analisis data daripada korpus yang dipilih, pendekatan pengkaji lebih bergantung kepada pembahagian teknik terjemahan yang dibawa oleh Ahmad Sheikh Abdul Salam.

Dapat dilihat dalam kajian ini bahawa pengkaji menerima pakai pendekatan tersebut ke atas semua elemen *al-bayan* (*isti'arat*, *tasybih*, *majaz*, dan *kinayah*). Metod analisis pengkaji dengan mengenal pasti elemen *al-bayan* yang terdapat dalam korpus pilihan serta menghuraikan teknik terjemahan yang diterima pakai oleh penterjemah berdasarkan teknik yang dinyatakan sebelumnya. Seterusnya, pengkaji memberikan komenarnya berkaitan teknik yang telah diterima pakai oleh penterjemah serta mencadangkan terjemahan yang lebih bersesuaian jika perlu.

Antara dapatan utama kajian ini ialah penterjemah buku *Pengembalaan Ibnu Batutha* menggunakan sebahagian pendekatan terjemahan metafora yang dicadangkan oleh Peter Newmark. Bahkan penterjemah telah menggunakan pendekatan yang lebih terperinci dari teknik-teknik yang dinyatakan. Muhammad Imran turut menyimpulkan bahawa penterjemahan *surat bayaniyyat* dari bahasa Arab ke bahasa Melayu bukan sekadar memilih teknik terbaik bahkan turut melibatkan pemilihan lafadz yang paling indah dan baik untuk memberikan impak emosi kepada pembaca.

#### b. Penterjemahan Kontekstual Leksikal Dan Derivasinya Dalam Al-Quran

Menerusi makalah ini pengkaji memperhalusi sampel -sampel terpilih daripada terjemahan kata kerja qlq dan derivasinya dalam surah al-Baqarah berdasarkan teori semantik dan komunikatif, garapan Peter Newmark(1981).Selain itu makalah ini juga bertujuan menilai tahap kekontekstualan terjemahan leksikal qala dan derivasinya dalam surah Taha.Kajian ini mempunyai objektif yang ingin dicapai, objektif yang dimaksudkan adalah:

- 1) Menganalisis dan menghuraikan terjemahan Arab-Melayu leksikal *Q* l dan derivasinya dalam surah T berdasarkan kerangka TS dan TK.

2) Menilai tahap kekontekstualan terjemahan leksikal *q l* dan derivasinya dalam surah T berdasarkan berdasarkan terjemahan Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (KBAMD), Kamus Arab-Melayu al-Marbawi (KAMAM), Kamus Arab-Melayu Oxford (KAMO), dan Kamus Arab-Melayu Muftah al-Tullab (KAMMT).

#### **4. Analisis Kritis**

Subtajuk ini menumpukan hubungan literatur yang disorot dengan kajian yang dijalankan ini. Pengkaji memfokuskan dua aspek, iaitu: aspek terjemahan metafora yang telah dihuraikan oleh literatur terdahulu, khususnya dapatan berkaitan pendekatan terjemahannya. Manakala aspek yang kedua adalah menyentuh sudut relevan kajian lepas dengan kajian ini, merangkumi aspek persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya.

##### **a. Analisis Berkaitan Terjemahan Metafora**

Literatur terdahulu telah membicarakan aspek metafora serta pendekatan terjemahannya sama ada secara fokus utama atau sebagai satu subtajuk. Dapatan kajian bagi setiap literatur ini menjadi sandaran yang penting kepada pengkaji dalam analisis terhadap terjemahan metafora dalam teks . Kepelbagaiannya korpus kajian bagi literatur ini menimbulkan persoalan adakah terdapat kesatuan dapatan berkaitan teknik berinteraksi dengan metafora dari sudut terjemahan.

Kazim Youseffi (2010) membuat beberapa kesimpulan terhadap pendekatan terjemahan metafora oleh empat penterjemah puisi penyair Iran Hafiz, iaitu Gertrude Lowthian Bell (1897), Clarke Wilberforth (1891), Arthur John Arberry (1977), dan terjemahan Shahriari (2005). Dalam kajiannya Youseffi lebih menumpukan ketepatan terjemahan metafora serta perbandingan hasil terjemahan antara keempat-empat penterjemah tersebut yang menjadikan huraiannya berasaskan prosedur terjemahan metafora Newmark agak ringkas dan mudah.

Beliau berpandangan bahawa penterjemahan metafora hendaklah mengambil kira konteks budaya bahasa sasar. Penterjemah hendaklah menangani isu perbezaan antara budaya yang pelbagai dan pola sosial masyarakat yang membentuk teks sumber. Penterjemah juga hendaklah membawa terjemahannya sehampir mungkin kepada makna konotatif berbanding berpegang kepada hanya padanan denotatif bagi frasa metafora tersebut.

Jamil Butsyasyeh (2004) melalui kajiannya menolak pendekatan terjemahan metafora secara *harfi* dengan hujah bahawa teknik ini menyebabkan kehilangan kesan kecantikan bahasa yang ingin dicapai melalui metafora. Teknik ini juga menyebabkan terjemahan menjadi kabur kepada pembaca sasar. Hal ini kerana terjemahan harfiah menurut beliau mementingkan sudut binaan ayat bagi metafora sedangkan metafora berkait rapat dengan makna.

Butsyasyeh berpendapat pendekatan terjemahan metafora secara makna ialah pendekatan yang paling sesuai. Hal ini dilakukan dengan mendatangkan padanan yang hampir bagi metafora tersebut dalam bahasa sasar atau menggunakan *tasybih* (simile) dengan syarat elemen metafora itu hendaklah dirungkai terlebih dahulu. Terjemahan maknawi ini berlaku sama ada dengan menggunakan pemilihan perkataan yang mempunyai nilai estetika yang tinggi dalam bahasa sasar atau dengan pemilihan perkataan yang mudah.

Pemilihan pendekatan ini menurut Butsyasyeh adalah dengan melihat kepada fungsi metafora yang bertujuan meninggalkan impak emosi yang setara ke dalam jiwa pembaca sasaran sebagaimana pembaca teks sumber.

Imran Ahmad (2007: 102) pula menyatakan bahawa bagi menterjemah *suwar bayaniyyat* (*isti'arat*, *tasybih*, *majaz*, dan *kinayah*), beliau mencadangkan agar keutamaan hendaklah diberikan kepada terjemahan harfiah terlebih dahulu. Jika penggunaan terjemahan harfiah menimbulkan kesukaran dalam menyampaikan makna, maka penterjemah hendaklah menggunakan pendekatan terjemahan bebas. Mohd Bakri Aziz @ Saari (2010) pula menyatakan bahawa sebahagian unsur figuratif dalam terjemahan puisi kitab *La Tahzan* seperti metafora dan personifikasi amat sesuai diterjemahkan secara langsung tetapi simile adalah sebaliknya.

Manakala Suziana pula berpandangan aspek budaya dan perhubungan makna antara bahasa menjadi faktor utama yang mempengaruhi terjemahan metafora. Dapatkan beliau menyatakan setiap metafora bersifat bermula dari skala tidak boleh terjemah sehingga boleh diterjemah secara literal, namun penelitian terhadap setiap metafora perlu dibuat secara terperinci.

Muhammad Fauzi Jumingan (2003) menyatakan bahawa unsur metafora sememangnya suatu unsur bahasa figuratif (BF) yang sukar dikesan maknanya, khususnya oleh pembaca sasaran. Malah sebagai penterjemah, kaedah untuk mengenali kehadiran metafora ini agak sukar melainkan pembaca itu sudah biasa dengan konsep metafora. Buktinya ialah statistik kekerapan dalam kajian beliau menunjukkan bahawa penterjemahan metafora mengalami ‘defisit’ hampir separuh daripada kekerapan penterjemahan simile.

Oleh sebab metafora merupakan unsur BF yang sukar diterjemahkan maka penterjemah tidak boleh mengadaptasinya kerana jarang kedapatan metafora yang betul-betul sama dalam dua bahasa dan budaya yang berbeza seperti bahasa Melayu dan Arab.

Beliau turut menekankan kepentingan konteks dalam memahami makna metafora. Pembaca yang tidak peka konteks pasti sukar mengesan kehadiran metafora. Peka konteks di sini bermaksud bahawa pembaca sasaran mestilah tahu latar situasi, kehadiran ayat yang sesudah dan sebelumnya (anafora dan katafora) serta konteks ayat dan maklumat ensiklopedia. Semua perkara ini dibekalkan dalam ilmu pragmatik. Oleh itu, untuk memahami makna metafora yang sukar maka ilmu semantik semata-mata tidak memadai melainkan kalau ilmu pragmatik diambil kira sekali.

Manakala Maheram Ahmad (2008: 452) menyimpulkan bahawa frasa idiomatik ada kalanya tidak boleh diterjemahkan secara harfiah dan adakalanya boleh diterjemahkan secara harfiah. Justeru, penterjemah boleh menggunakan kedua-dua cara penterjemahan, iaitu cara harfiah dan juga cara bebas.

Dapatkan kajian beliau yang berkait dengan metafora menunjukkan bahawa terdapat tiga sampel metafora yang diperincikan oleh pengkaji dalam korpus cerpen *Kasih dan Harapan*. Kesemua sampel ini diterjemahkan secara katawi (literal) dengan sampel kedua dan ketiga kelihatan tidak

menimbulkan masalah kepada penterjemah. Manakala korpus antologi puisi *Pancasuara* pula secara ringkasnya turut menunjukkan metafora diterjemahkan dengan menggunakan terjemahan harfiah dalam dua teknik terjemahan:

1. Metafora diterjemahkan kepada bentuk perumpamaan.
2. Metafora diterjemahkan ke bentuk metafora juga dalam bahasa sasaran.

Dapatkan ini kelihatan selaras dengan prosedur ketiga dan keempat bagi terjemahan metafora yang telah digariskan oleh Peter Newmark. Fokus kajian Maheram kepada permasalahan dalam terjemahan menjadikan tumpuan kepada metafora agak terbatas dengan sekadar mendatangkan beberapa contoh mewakili objektif yang disasarkan.

Dapatkan dalam literatur terdahulu menunjukkan terdapat perbezaan kecenderungan dalam menetapkan pendekatan terbaik dalam menterjemah metafora sama ada secara harfiah atau secara maknawi. Perbezaan ini bukanlah sesuatu yang asing memandangkan terdapat beberapa perbezaan asas bagi setiap kajian literatur ini. Perbezaan literatur ini merangkumi korpus kajian dan bahasa sasar yang berbeza, yang membawa kepada dapatan yang berbeza.

Kepelbagaiannya dapatan dari literatur terdahulu menimbulkan persoalan berkaitan pendekatan terjemahan yang paling baik dalam menterjemah metafora dalam korpus yang berbeza, khususnya korpus pilihan kajian ini, iaitu hadith Rasulullah S.A.W. Sudah pasti satu kajian perlu dijalankan bagi menjawab persoalan ini.

### **b. Kerelevan Kajian Lepas dengan Kajian ‘Penterjemahan Metafora dalam Kitab *Riyad al-Salihin*’**

Subtopik ini akan cuba menghuraikan hubungan literatur yang telah disorot dengan kajian ini. Analisis ini cuba menghuraikan hubungan ini dari dua sudut, iaitu sudut persamaan dan perbezaan.

Pemilihan kesemua literatur yang dihuraikan dalam subtopik lalu mempunyai hubungan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Aspek persamaan yang begitu ketara ialah:

- 1- Hampir keseluruhan sorotan literatur menumpukan kajian berasaskan terjemahan, khususnya bahasa Arab ke bahasa Melayu, melainkan kajian Muhammad Syukri Abdul Rahman yang menumpukan metafora (*isti'arat*) secara khusus dari aspek kajian retorik bahasa.
- 2- Kajian yang berbentuk kajian korpus dan analisis isi kandungan (*content analysis*) yang digunakan untuk menganalisis rekod ucapan, tulisan, dan item tingkah laku yang diperhatikan oleh penyelidik (Sunawari Long, 2005: 85). Literatur kajian menunjukkan pemilihan korpus yang pelbagai tetapi boleh dibahagiakan kepada dua kategori utama, iaitu teks kudus (al-Quran dan al-Hadith) dan teks kesusastraan (puisi, novel, dan cerpen).
- 3- Kajian utama sebahagian besar literatur tertumpu kepada bahasa figuratif atau kepada metafora yang menjadi sebahagian daripada bahasa figuratif. Manakala yang lain menumpukan isu berkaitan terjemahan seperti isu ketepatan terjemahan dan permasalahan dalam terjemahan.

### **Jadual 1:** Analisis Perbandingan Kandungan Literatur Kajian

Bil	Tajuk	Penulis	Bidang Kajian	Tumpuan Kajian	Korpus
1	Analisis <i>isti'arat</i> dalam Kitab <i>Riyad al-Salihin</i>	Muhammad Syukri bin Abdul Rahman	Balaghah (Retorik)	Metafora	<i>Riyad al-Salihin</i>
2	<i>An Analysis of The Translation of Metaphors in Hafiz Selected Poems</i>	Kazem Youssufi	Terjemahan	Metafora	Puisi (Hafiz) (Parsi-Inggeris)
3	Terjemahan Metafora Melayu ke Bahasa Perancis: Analisis Novel Salina	Suziana Mat Saad	Terjemahan	Metafora	Novel Salina (Melayu-Perancis)
4	<i>Namuzaj min al-isti'arat fi al-Quran wa Tarjamatuha bi al-Lughat al-Injiliyyat</i>	Jamal Butsyayih	Terjemahan	Metafora	Teks Kudus (al-Quran) (Arab-Inggeris)
5	<i>Metaphors In The Translation Of English Technical Texts Into Malay: A Preliminary Study</i>	Sharmini Abdullah	Terjemahan	Metafora	Buku ‘Asas Kejuruteraan’ Teks teknikal
6	Kajian Metafora Yang Menunjukkan Sikap Dalam Buku Motivasi ‘The Secret’	Rendro Hetrastuti, M.R. Nababan dan Tri Wiratno	Terjemahan	Metafora	Buku motivasi (The Heart/ Rahsia)
7	Ketepatan Padanan Terjemahan Puisi Arab dalam kitab <i>La Tahzan</i> : Satu Analisis Bandingan	Mohd Bakri Aziz @ Saari	Terjemahan	Ketepatan terjemahan	Puisi (Kitab terjemahan <i>La Tahzan</i> ) (Arab-Melayu)
8	Permasalahan Penterjemahan Arab Melayu: Satu Analisis Teks Sastera	Maheram Ahmad	Terjemahan	Permasalahan dalam terjemahan	Puisi dan cerpen (Arab-Melayu)
9	<i>Naql al-Suwar al-Bayaniiyyat min al-'Arabiyyat ila al-Malayuwiyyat: Dirasat Tahliliyyat fi</i>	Muhammad Imran Ahmad	Terjemahan	<i>Suwar Bayaniyyah</i>	Terjemahan Teks <i>Rehlat Ibn Batutah</i> (Arab-Melayu)

	<i>Tarjamat Ibn Batutah</i>				
10	Penterjemahan Bahasa Figuratif Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans	Muhammad Fauzi bin Jumingan	Terjemahan	Bahasa Figuratif	Novel (Arab-Melayu)
11	Terjemahan Hadith Nabi S.A.W ke dalam bahasa Melayu: Analisis Terhadap Kitab <i>Riyad al-Salihin</i> Terbitan JAKIM	Faisal Ahmad Shah	Terjemahan	Hadith	Kitab <i>Riyad al-Salihin</i>

Manakala aspek perbezaan adalah seperti berikut:

- 1- Sebahagian kajian literatur hanya menyentuh metafora sebagai salah satu subtopik kajian. Hal ini menjadikan dapatan kajian berkaitan pendekatan terjemahan metafora bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu agak ringkas. Walaupun Kazeim Yousifi serta Jamil Butsyasyeh menjadikan metafora sebagai tema utama kajian mereka, namun perbezaan korpus kajian serta bahasa sasar memerlukan kajian terhadap terjemahan bahasa Melayu dijalankan.
- 2- Perbezaan bahasa sasar. Walaupun pemilihan subjek kajian, iaitu metafora menjadi titik persamaan antara sebahagian kajian literatur dengan kajian ini, tetapi perbezaan bahasa sasar sudah pasti menjadi faktor perbezaan yang dominan. Metafora yang dipengaruhi oleh faktor linguistik dan budaya sudah pasti menimbulkan komplikasi terjemahan yang berbeza bagi bahasa sasar yang berbeza. Sudah tentu terdapat perbezaan dalam menterjemah metafora bagi teks tertentu (Arab) kepada dua bahasa sasar yang berbeza (Inggeris dan bahasa Melayu).
- 3- Kelompangan analisis ke atas teks terjemahan. Kesemua literatur yang telah disoroti menunjukkan terdapat kekosongan kajian terhadap teks dari genre ini. Perbezaan gaya bahasa Rasulullah S.A.W dengan gaya bahasa al-Quran, serta dengan teks yang lain sudah tentu menjadi faktor utama mendorong kepada kajian ini dijalankan. Kelompangan kajian terhadap teks yang bersifat dengan gaya bahasa tersendiri ini, khususnya apabila ia diterjemah ke bahasa sasar, mendorong kepada pemilihannya sebagai satu bahan kajian.

## 5. Kesimpulan

Kajian literatur terdahulu memberikan maklumat akademik yang begitu penting kepada kajian ini. Dapatan dan saranan berkaitan dengan pendekatan menterjemah metafora dengan kepelbagaiannya korpus kajian menjadi panduan dalam menganalisis korpus kajian yang telah ditetapkan bagi kajian ini.

Kajian ini dijalankan dengan tujuan memberikan sumbangan akademik kepada bidang terjemahan, khususnya dengan menjadikan kajian literatur yang terdahulu sebagai rujukan utama. Lantaran itu, kajian ini tidak bersifat penafian terhadap dapatan akademik bagi kesemua kajian literatur yang telah disoroti. Sebarang ulasan terhadap dapatan akademik terdahulu lebih bersifat penambahbaikan serta pemantapan, khususnya bagi bidang terjemahan Arab-Melayu.